A

THONG KIM CHEA

lwn.

THONG SENG & CO SDN BHD & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
AZHAR MA'AH H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-174-1992]
17 NOVEMBER 2005

C

KONTRAK: *Pengaruh tidak wajar - Pengarah syarikat - Plaintif menyalahguna wang syarikat - Kompromi - Plaintif memindahmilik rumah kedainya kepada defendan kedua dan tiada laporan polis dibuat - Sama ada pindahmilik didorong pengaruh tidak wajar - Sama ada kompromi melanggari polisi awam dan undang-undang - Akta Kontrak 1950, ss. 10, 15, 16*

D

Plaintif adalah seorang pengarah defendan pertama, sebuah syarikat keluarga, sementara defendan kedua pula adalah Pengarah Urusan dan Pengerusi syarikat tersebut. Plaintif telah didapati menyalahgunakan sejumlah wang syarikat, dan ekoran perbincangan dan Mesyuarat Tergempar ('EGM') yang diadakan di antara pengarah-pengarah syarikat,

E

persetujuan dicapai untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit dengan cara plaintif memindahmilikkan rumah kedainya kepada defendan kedua. Berikutnya plaintif menandatangani Borang 14A Kanun Tanah Negara bagi tujuan pindahmilik berkenaan. Namun, plaintif kemudian mengatakan bahawa dia telah diugut dan ditekan secara yang tidak wajar oleh

F

defendan kedua untuk menandatangani Borang 14A, dan dengan itu memohon perisytiharan bahawa pindahmilik yang dibuatnya batal dan tidak sah. Fakta menunjukkan bahawa dalam perbincangan yang diadakan di atas, plaintif memang bersetuju untuk melaksanakan pindahmilik berkenaan. Namun, defendan kedua juga ada mengatakan bahawa ia akan membuat laporan polis mengenai penyalahgunaan wang syarikat jika

G

plaintif enggan melaksanakan pindahmilik tersebut. Maka, dalam keadaan yang wujud, di hadapan yang arif hakim, dua persoalan telah diajukan kepada mahkamah untuk pemutusan, iaitu: (i) sama ada wujud pengaruh tidak wajar yang mendorong dan memaksa plaintif untuk menandatangani Borang 14A; dan jika tiada (ii) sama ada kompromi di mana defendan

H

kedua tidak akan melaporkan penyalagunaan wang oleh plaintif kepada polis sekiranya plaintif bersetuju memindahmilik harta berkenaan kepada defendan kedua merupakan satu penyalahan undang-undang dan bertentangan dengan polisi awam.

I

Diputuskan (menolak permohonan plaintif):

(1) Fakta menunjukkan bahawa walaupun idea tentang cara mana plaintif akan menyelesaikan wang yang disalahguna itu datangnya dari defendan kedua, plaintif tanpa ragu-ragu telah menerima idea tersebut. Tiada langsung keterangan yang menunjukkan adanya sebarang bentuk tekanan ke atas plaintif untuk menyetujui cadangan defendan kedua itu. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa persoalan pokok yang dibincang antara plaintif dan defendan kedua pada pagi sebelum EGM tersebut bukanlah mengenai pindahmilik hartanah berkenaan tetapi mengenai penyelesaian dan pembayaran balik wang defendan kedua yang telah digunakan oleh plaintif. Apa yang dicadangkan defendan kedua tersebut hanyalah cadangan alternatif sekiranya plaintif tidak mampu membayar balik wang berkenaan. (perenggan 24)

(1a) Persetujuan plaintif terhadap cadangan defendan kedua adalah reaksi spontan plaintif untuknya mengambil peluang bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Maka keadaan yang wujud adalah bertentangan dengan dakwaan plaintif bahawa dia menandatangani pindahmilik hartanah atas tekanan atau unsur tidak wajar. (perenggan 27)

(2) Terdapat keterangan yang tidak dapat disangkal oleh plaintif sendiri bahawa plaintif ingin menyelesaikan masalah penyalahgunaan wang di dalam syarikat agar perkara tersebut tidak dipanjangkan sehingga membawa kepada membuat laporan polis. Hasil dari permintaan ini adalah kompromi bahawa plaintif akan memindahmilik harta berkenaan kepada defendan kedua. Kompromi yang dibuat sedemikian adalah selaras dengan semangat kedua pihak untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit dalam paremeter syarikat dan ianya tidak menyalahi polisi awam ataupun undang-undang (*Fisher & Company v. Apollinaris Company* [1875] LR 10 Ch App 297 diikuti) (perenggan 30 & 31)

Kes-kes yang dirujuk:

Asia Hotel Sdn Bhd v. Malayan Insurance (M) Sdn Bhd [1992] 2 CLJ 1185; [1992] 2 CLJ (Rep) 121 HC ***(dirujuk)***

Fisher & Company v. Apollinaries Company [1875] LR Ch App 297 ***(dirujuk)***

Mohd Fariq Subramaniam v. Naza Motor Trading Sdn Bhd [1997] 3 CLJ Supp 249 HC ***(dirujuk)***

Teck Guan Trading Sdn Bhd v. Hydrotek Engineering (S) Sdn Bhd & Ors [1996] 1 BLJ 163 HC ***(dirujuk)***

Tengku Abdullah Sultan Abu Bakar & Ors v. Mohd Latiff Shah Mohd & Ors [1997] 2 CLJ 607 CA ***(dirujuk)***

Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Contracts Act 1950, ss. 10, 15, 16

Bagi pihak plaintif - Bernard Poi Tzse Meng; T/n Poi Tzse Meng & Co
Bagi pihak defendan - Balvinder Singh Kenth; T/n Sri Ram & Co

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Azhar Ma'ah H:

[1] Secara latar belakangnya plaintif adalah merupakan salah seorang pengarah syarikat defendan pertama di mana defendan kedua adalah juga merupakan salah seorang dari pengarah dan pada masa yang sama juga merupakan pengerusi dan Pengarah Urusan Syarikat defendan pertama tersebut. Di dalam penyata tuntutannya plaintif menyatakan bahawa beliau adalah merupakan pemilik sebuah rumah kedai beralamat No. 41 Jalan Besar, 72100 Bahau. Pada 18 Disember 1991 plaintif telah menandatangani borang pindahmilik bagi memindahmilik hartanah berkenaan kepada syarikat defendan pertama dengan balasan sebanyak RM204,994.53 "menurut resolusi yang bertarikh 17 Disember 1991". Menurut plaintif dia telah menandatangani borang pindahmilik berkenaan di atas duress, paksaan dan ugutan yang dikenakan oleh defendan kedua terhadapnya berikutan dari alegasi defendan kedua bahawa plaintif telah memanupulasi akaun dan menyalahgunakan wang kepunyaan syarikat defendan pertama di dalam kepasitinya sebagai financial controller dan orang yang bertanggungjawab terhadap wang tersebut. Di atas hal-hal dan perkara yang disebutkan di atas plaintif di dalam tindakan ini memohon perintah-perintah seperti berikut:

(a) satu deklarasi bahawa Borang 14A yang seolah-olah telah dilaksanakan (purportedly executed) oleh plaintif berhubung dengan rumah kedai yang dipegang di bawah Grant No: 7965 Lot 510 di Bahau dalam Negeri Sembilan bertarikh pada 18 Disember 1991 adalah batal dan tidak sah serta tidak mengikat ke atas plaintif dan defendan-defendan hendaklah memulangkan kepada plaintif Borang 14A KTN tersebut untuk tujuan pemusnahan.

(b) Bahawa kaveat yang mempunyai rujukan Kaveat Persendirian Jil. 128 Fol. 64 kekal di dalam daftar untuk kepentingan plaintif sehingga Borang 14A KTN yang didakwa telah ditandatangani oleh plaintif diketepikan, dibatalkan dan diserahkan kepada plaintif untuk pemusnahan.

(c) Satu injunksi terhadap defendan-defendan bagi menghalang defendan-defendan atau ajen-ajen defendan-defendan atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak defendan-defendan dengan apa cara sekalipun dari mengambil sebarang langkah terhadap plaintif dengan meneruskan pendaftaran Borang 14A KTN yang didakwa telah ditandatangani oleh plaintif dan atau mendaftarkan sebarang pindah milik ke atas tanah atau rumah kedai yang dipegang di bawah Grant 7965 Lot 510 di Bahau di dalam Negeri Sembilan.

(d) Gantirugi dari defendan termasuk gantirugi teladan.

[2] Untuk menyokong tuntutan di atas plaintif di dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa pada hari yang sama sebelum menyuarat EGM Syarikat defendan pertama diadakan pada 17 Disember 1991 defendan kedua telah memanggilnya dan meminta plaintif memberi penjelasan mengenai penyalahgunaan wang syarikat yang dikatakan dilakukan oleh plaintiff sejak beberapa tahun yang lepas. Menurut plaintif defendan kedua telah mencadangkan kepadanya supaya wang berkenaan diganti dan dibayar semula dengan memindahmilik rumah kedai berkenaan kepada defendan pertama; jika ini dilakukan tiada laporan polis akan dibuat mengenai penyalahgunaan wang tersebut. Selanjutnya pada hari berikutnya plaintif bersama defendan kedua telah pergi ke pejabat peguam Lee Boon Peng di pekan Bahau di mana pindahmilik telah dibuat dengan plaintif menandatangani borang pindahmilik.

[3] Plaintif menyatakan selanjutnya bahawa dia telah menandatangani borang pindahmilik tersebut di dalam keadaan terdesak dan tidak mendapat nasihat dari ahli keluarganya dan juga peguam. Lanjutan dari itu pada 23 Disember 1991 plaintif telah memasukkan kaveat persendirian ke atas hartanah berkenaan.

Pembelaan Defendan-defendan

[4] Di dalam menentang tuntutan plaintif defendan-defendan mengemukakan keterangan berikut.

[5] Defendan pertama adalah sebuah syarikat perniagaan yang menjalankan aktiviti perniagaan sebagai "distributor" dan "wholesaler: bagi barang-barang keluaran Malaysian Tobacco Company Berhad dan Nestle Sdn. Bhd. Defendan kedua telah dilantik menjadi pengarah dan juga pengerusi dan pengarah urusan syarikat defendan pertama sejak September 1987.

[6] Pada masa tersebut plaintif telahpun menjadi salah seorang dari empat orang pengarah syarikat dan juga "financial controller" sejak sekian lama. Di dalam kapasitinya sebagai "financial controller" plaintif adalah bertanggungjawab ke atas di antara lain kutipan harian wang-wang

yang diterima dan dikutip oleh jurujual-jurujual syarikat. Ini telah diterangkan selain oleh defendan kedua telah dinyatakan juga oleh saksi kedua defendan-defendan iaitu Tony Lee Suan @ Tong Shi Yen (SD2) yang bekerja di syarikat defendan pertama sebagai kerani am. Menurut saksi ini sebagai "financial controller" plaintif adalah bertanggungjawab terhadap dan menyimpan semua wang kutipan dan hasil jualan syarikat. Wang-wang ini disimpan di dalam satu peti besi dan plaintif adalah merupakan satu-satunya orang yang mempunyai custody ke atas kunci pintu besi tersebut.

[7] Beralih semula kepada keterangan defendan kedua, ia menyatakan bahawa sejak dari masa sebelum dia melibatkan diri di dalam syarikat defendan pertama iaitu semasa mendiang ayahnya masih menjadi pengarah dan pengarah urusan syarikat plaintif adalah merupakan salah seorang dari tiga orang pengarah yang diberi kuasa untuk menandatangani cek-cek syarikat bersama dengan salah satu dari tiga orang tersebut. Namun selepas defendan kedua mengambil alih teraju pengurusan syarikat hanya beliau dan plaintif sahaja yang berkuasa untuk menandatangani cek-cek syarikat.

[8] Episod selanjutnya, pada atau lebih kurang Disember 1991, defendan kedua telah memeriksa akaun syarikat dan mendapati bahawa akaun berkenaan telah dimanupulasikan oleh plaintif. Menurut defendan kedua akaun berkenaan telah menyatakan adanya jumlah wang tunai yang besar di dalam tangan, iaitu di dalam simpanan peti besi sedangkan kiraan secara fisikal tidak menunjukkan jumlah sebenarnya. Defendan telah mengeksibitkan "certificate of cash-in-hand" bagi tahun-tahun 1983 hingga akhir 1990 (exh. D15A-G). Kecuali eks. D15A dan D15C kesemua eksibit yang lain ditandatangani oleh plaintif. Menurut defendan kedua "certificate of cash-in-hand" sedemikian rupa dikeluarkan oleh plaintif pada setiap penghujung tahun kewangan. Untuk ini defendan kedua telah membawa perhatian mahkamah kepada penyata akaun yang telah diaudit bagi tahun-tahun kewangan 1986 hingga 1991 (muka surat 13-91 IDD3) yang memaparkan "cash-in-hand" dalam jumlah yang besar, iaitu ratusan ribu ringgit. Namun demikian syarikat defendan pertama didapati mempunyai hutang bank yang banyak dalam bentuk overdraft. Mengsyaki sesuatu yang tidak kena, defendan kedua telah selanjutnya membuat pemeriksaan akaun syarikat di bank-bank berkenaan dan telah mendapati di antara 1982 ke 1987 plaintif telah mengeluarkan wang tunai dari akaun syarikat melalui pengisuan cek-cek tunai. Defendan kedua telah mengeksibitkan cek-cek ini di dalam ikatan IDD1 di ms 3-79. Berikutan dari itu, menurut defendan kedua selanjutnya dia telah menanya plaintif mengenainya dan plaintif telah mengakui bahawa wang-wang tersebut telah dikeluarkan untuk kegunaannya sendiri dan juga untuk membantu seorang bernama Thong Chow Kaw dalam perniagaannya.

[9] Menganggap perbuatan plaintif ini suatu perkara yang serious defendan kedua telah memanggil satu mesyuarat agong luar biasa (EGM) pada 17 Disember 1991. Antara perkara yang terdapat di dalam agenda mesyuarat tersebut ialah "Removal of Mr. Thong Ming Kwei as Director of The Company and Action For Recovery of Cash Lost or Misused".

[10] Menurut defendan kedua mesyuarat tersebut telah diadakan pada 2.30 petang. Pada sebelah pagi iaitu lebih kurang jam 11 plaintif telah datang ke pejabat defendan kedua untuk berbincang. Defendan kedua telah bertanya tentang bagaimana plaintif bercadang untuk menyelesaikan wang yang telah disalahgunakannya itu. Menurut defendan kedua lagi, dia telah mencadangkan kepada plaintif bagi plaintif memindahmilik rumah kedai berkenaan kepada syarikat defendan pertama sebagai penyelesaian penuh bagi wang-wang yang telah digunakan plaintif yang dianggarkan berjumlah lebih kurang RM200,000. Plaintif telah bersetuju dengan cadangan defendan kedua ini. Di dalam keterangannya defendan kedua turut menyatakan bahawa dia ada memberitahu plaintif bahawa sekiranya plaintif gagal menjelaskan wang-wang berkenaan satu laporan polis terpaksa dibuat.

[11] Seterusnya mesyuarat EGM tersebut telah turut dihadiri oleh plaintif dan defendan kedua serta dua pengarah yang lain. Apa yang berlaku dan diputuskan di dalam mesyuarat tersebut telah diterangkan melalui minit mesyuarat yang dieksibitkan oleh plaintif sendiri (P2). Hal-hal yang berlaku di dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

a) Photostat copies of cheques drawn by Mr. Thong Ming Kwei amounting to RM30,800 were table for discussion.

b) Mr. Thong Ming Kwei was unable to explain as to where the money has been accounted for.

c) The cash in hand standing in the books of accounts since 1985 ranging from RM200,000 to RM300,000.

d) According to the administrative manager, Mr. Wong Kam Fock, the cash in had as at 17 December 1991 were short by approximately RM200,000. The actual figure to be reconfirmed after the meeting.

e) Mr. Thong Ming Kwei offer himself the shophouse known as No. 41, Jalan Besar, 72100 Bahau, Negeri Sembilan as full settlement for the above shortage inclusive of expected losses in bank interest that the company has suffered.

f) Mr. Tong Ching Teck proposed to retain Mr. Thong Ming Kwei as director of the company after Mr. Thong Ming Kwei has offered himself to settle the amount owing to the company.

Resolved that:

a) The offer of Mr. Thong Ming Kwei to transfer the shophouse known as No. 41, Jalan Besar, 72100 Bahau, Negeri Sembilan to the company in settlement for the amount of cash misused by him be and is hereby approved and accepted.

b) Mr. Thong Ching Teck together with any one of the other director be and are hereby authorised to legalised the takeover of the said property with M/S Lee Boon Peng & Co., Bahau Branch.

c) For the purpose of property transfer, the consideration passed for the takeover of the said property shall be the amount of cash shortage or misued by Mr. Thong Ming Kwei. (For record purpose, the actual amount of cash shortage as at 17 December 1991 was subsequently confirmed to be RM204,944.53).

d) The proposal to retain Mr. Thong Ming Kwei as director of the company be and is hereby accepted.

e) Action to investigate the trading stocks and cash-in-hand prior to 31 December 1989 and recovery of loss or misuse of funds and stock being suspended and the short fall is deemed to be settled.

[12] Selanjutnya defendan kedua memberitahu mahkamah bahawa setelah selesainya mesyuarat tersebut, pada hari yang sama lebih kurang 5 petang plaintif telah membuka peti besi syarikat defendan pertama untuk membolehkan salah seorang pengarah syarikat iaitu Thong Hsi Kuang bersama dengan Wong Kam Fock, pengurus pentadbiran syarikat menjalankan kiraan fisikal wang yang terdapat di dalam peti besi pada ketika itu. Hasilnya mereka telah mendapati kekurangan (shortage) sebanyak RM204,994.53 berbanding dengan apa yang dinyatakan di dalam penyata akaun bagi tahun kewangan 1991 sebagai "cash-in-hand".

[13] Seterusnya defendan kedua di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada keesokan harinya iaitu 18 Disember 1991 plaintif dengan sukarelanya telah bersama defendan kedua pergi ke pejabat peguam untuk menandatangani borang pindahmilik hartanah berkenaan. Namun pindahmilik tersebut tidak dapat dilaksanakan berikutan dari satu kaveat yang dimasukkan oleh plaintif lima hari kemudiannya, iaitu pada 23 Disember 1991. Berikutan dari itu defendan kedua sekali lagi memanggil mesyuarat EGM bertujuan untuk mendapat penjelasan mengenai tindakan plaintif tersebut. Di dalam mesyuarat yang diadakan pada 17 Januari 1992 itu menurut defendan, plaintif tidak memberi apa-apa ulasan mengenai tindakannya memasukkan kaveat berkenaan malahan meminta defendan-defendan menentusahkan jumlah wang yang dikatakan hilang itu. Plaintif juga dikatakan memberitahu mesyuarat bahawa dia

ingin menyelesaikan perkara ini di dalam syarikat sahaja. Sebagai respon kepada hasrat plaintif ini defendan kedua mencadangkan agar plaintif dikekalkan sebagai pengarah syarikat.

[14] Untuk menyokong dan mengukuhkan keterangan-keterangan defendan kedua di atas pembelaan juga turut mengenengahkan keterangan dari seorang lagi saksi lain iaitu Tan Teng Chai (SD3). Beliau yang merupakan setiausaha syarikat mengulangi dan mengesahkan keterangan defendan kedua tentang apa yang berlaku di dalam kedua-dua EGM yang dinyatakan di atas. Saksi ini juga turut mengesahkan kebenaran kandungan minit-minit mesyuarat yang telah dieksibitkan.

[15] Di dalam keterangannya plaintif turut memberi penjelasannya berhubung dengan pengisuan cek tunai yang begitu banyak dan yang dikatakan oleh defendan telah disalahgunakan oleh plaintif.

[16] Menurut plaintif, Syarikat Malaysian Tobacco hanya menerima wang tunai sebagai bayaran bagi barang yang dibekalkan. Untuk ini dia terpaksa menunaikan cek-cek berkenaan.

Hujahan Plaintif

[17] Di dalam hujahannya peguam plaintif menimbulkan persoalan samaada ujudnya penggelapan wang oleh plaintif memandangkan keterangan plaintif yang memberitahu bahawa pengeluaran wang tersebut melalui cek-cek tunai yang dieksibitkan oleh defendan adalah dilakukan untuk membuat bayaran kepada pembekal Malaysian Tobacco Company yang mahukan bayaran-bayaran dibuat hanya melalui tunai ataupun bank deraf.

[18] Selanjutnya peguam plaintif menghujahkan bahawa tidak terdapat sebarang kontrak di antara plaintif dan defendan untuk memindahmilik harta berkenaan memandangkan terdapatnya ugutan dan paksaan ke atas plaintif oleh defendan kedua.

[19] Untuk ini peguam plaintif membawa perhatian mahkamah kepada ss. 10, 15 dan 16 Akta Kontrak 1950 yang secara ringkasnya menyatakan keperluan sesuatu kontrak dibuat secara sukarela dan bebas dari sebarang paksaan dan unsur-unsur pengaruh yang tidak wajar untuk ianya menjadi satu kontrak yang boleh dikuatkuasakan. Peguam plaintif menghujahkan lagi dalam kedudukan defendan kedua sebagai pemegang saham yang terbesar dan sebagai pengarah urusan syarikat plaintif merasakan dirinya "intimidated" dan berada di bawah kawalan dan kongkongan defendan kedua. Dihujahkan juga bahawa mesyuarat EGM telah diadakan dengan maksud untuk memecat plaintif dari syarikat ekoran dari alegasi penyalahgunaan wang tersebut. Ini menurut peguam adalah merupakan satu ugutan. Juga dihujahkan bahawa penyataan

defendan kedua untuk melaporkan perbuatan plaintif kepada polis jika wang tersebut tidak dibayar balik telah menyebabkan plaintif merasa takut dan tertekan. Justeru itu plaintif telah memberi persetujuan untuk memindahmilik hartanah berkenaan. Peguam plaintif juga menyentuh tentang kedudukan defendan kedua sebagai ahli keluarga yang lebih "senior" dan dianggap sebagai seorang yang lebih dominan. Ini menurut peguam plaintif merupakan satu kategori pengaruh tak wajar seperti yang dimaksudkan di dalam Akta Kontrak. Bagi mengukuhkan saranan ini peguam membawa perhatian mahkamah kepada dapatan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Tengku Abdullah ibni Sultan Abu Bakar v. Mohd. Latiff b. Shah Mohd.* [1997] 2 CLJ 607 CA, di antara lain berbunyi:

> (9) Undue influence, like all other equitable doctrines, is an extremely flexible concept. Subject to policy considerations, the categories in which it may operate are therefore not closed. It is important to apply the doctrine, as housed in s. 16 of the Contracts Act 1950, to varying fact patterns in a flexible manner. In the absence of any intention on the part of Parliament to alter the doctrine, s. 16, being a remedial provision, should be interpreted in a broad and liberal fashion. Even in cases which are not *stricto sensu* contractual in nature, the section may be resorted to by analogy (see p 310F).
>
> (10) The proof of dominance of the will of a party to a transaction by the other party to the transaction is not a *sine qua non* of the doctrine of undue influence. The doctrine applies with equal force where, from the proved or admitted facts, there is shown a relationship of confidence and an abuse of that confidence by the person in whom it was reposed (see pp 3141 and 315A); *Tufton v. Sperni* [1952] 2 TLR 16 followed.

Di dalam menjawab hujahan plaintif di atas peguam defendan-defendan secara ringkasnya menegaskan bahawa persetujuan plaintif untuk memindahmilik hartanah berkenaan telah disuarakan di dalam mesyuarat EGM pada 17 Disember 1991. Ini dilakukannya tanpa ugutan atau paksaan dari mana-mana pihak. Satu-satunya ugutan yang dikatakan ditujukan kepada plaintif yang mendorong plaintif untuk bersetuju memindahmilik hartanah tersebut ialah penyataan defendan kedua bahawa dia akan melaporkan perbuatan penyelewangan kepada polis sekiranya plaintif gagal mengganti semula wang yang telah digelapkan itu. Ini menurut peguam defendan telah tidak diplidkan dengan jelas dan nyata oleh plaintif di dalam penyata tuntutannya. Untuk menjelaskan prinsip berhubung dengan perkara ini peguam defendan membawa perhatian mahkamah kepada keputusan Mahkamah Agong di dalam kes *Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye* [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330 SC dan keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Asia Hotel Sdn. Bhd.*

v. Malayan Insurance (M) Sdn. Bhd. [1992] 2 CLJ 1185; [1992] 2 CLJ (Rep) 121 HC. Di dalam kes *Yew Wan Leong* telah putuskan seperti berikut:

> As the trial court had made a decision on an issue which was not raised by the parties in their pleadings, the appeal must be allowed and the order of the learned judge in dismissing the plaintiff's claim must be set aside.

[20] Di dalam kes *Asia Hotel* pula prinsip yang diutarakan di antara lain berbunyi:

> ... it was imperative that all the material fact on which the plaintiff's were relying on to establish their case should have been pleaded. If they have done so, the defendant would or should have been alerted to those facts ... As all the material facts were not pleaded, the evidence relevant to the unpleaded facts must be disregarded.

[21] Secara alternatif, peguam defendan menyentuh isu dakwaan plaintif bahawa defendan kedua mengugut untuk melaporkan perbuatan plaintif kepada polis dengan menarik perhatian mahkamah kepada prinsip yang terdapat di dalam beberapa kes yang telah diputuskan. Di dalam kes *Fisher & Company v. Apollinaris Company* [1875] LR 10 Ch App 297 Mahkamah Rayuan Chancery di England memutuskan "where an offence is of such a nature that that the offender may be proceeded against civilly or criminally, there is nothing illegal or improper in a compromise of the criminal proceeding taken against him.".

[22] Sehubungan dengan perkara yang sama peguam juga merujuk kepada dapatan dari beberapa kes yang lain yang sedikit sebanyak boleh dijadikan panduan dan teladan di dalam menimbang kes semasa. Di antaranya ialah kes *Teck Guan Trading Sdn. Bhd. v. Hydrotek Engineering (S) Sdn. Bhd. & Ors.* [1996] 1 BLJ 163 dan kes *Mohd. Fariq Subramaniam v. Naza Motor Trading Sdn. Bhd.* [1997] 3 CLJ Supp 249 HC. Prinsip yang dirujuk di dalam kedua-dua kes ini ialah berkaitan dengan "coercion" dan "undue influence".

Keputusan Mahkamah

[23] Merujuk semula kepada hujahan peguam plaintif di bawah kepala "summary of issue", mahkamah bersetuju bahawa terdapat dua isu yang perlu ditimbangkan di dalam kes semasa, iaitu i) samaada ujudnya atau terdapat unsur-unsur pengaruh tidak wajar (undue influence) yang telah mendorong dan memaksa plaintif untuk bersetuju dan seterusnya menandatangani borang pindahmilik bagi harta berkenaan. Jika sekiranya tiada, persoalan seterusnya ialah samada kompromi di mana defendan kedua tidak akan melaporkan penyalahgunaan wang oleh plaintif itu

kepada polis sekiranya plaintif bersetuju memindahmilik harta berkenaan kepada defendan kedua, merupakan satu penyalahan undang-undang dan bertentangan dengan polisi awam.

[24] Bagi isu pertama, mengimbas kembali keterangan defendan kedua, saksi ini menyatakan bahawa di sebelah pagi sebelum EGM pada 17 Disember 1991 dia ada bertanya plaintif tentang cara mana plaintif akan menyelesaikan wang yang disalahgunakannya itu. Defendan kedua selanjutnya telah mencadangkan kepada plaintif cara penyelesaian masalah yang dihadapi plaintif itu, iaitu dengan memindahmilik harta berkenaan kepada defendan kedua. Plaintif lantas menerima cadangan tersebut. Dari keterangan ini dapat dilihat bahawa idea tentang cara penyelesaian ini sebenar-benarnya datang dari defendan kedua. Dan dapat dilihat juga bahawa plaintif sendiri tidak ragu-ragu untuk menerimanya. Tiada langsung keterangan yang menunjukkan adanya sebarang bentuk tekanan ke atas plaintif untuk menyetujui cadangan defendan kedua itu. Sehubungan dengan ini mahkamah mengambil perhatian bahawa persoalan pokok yang dibincangkan di antara plaintif dan defendan kedua pada pagi sebelum EGM tersebut bukanlah mengenai pindahmilik hartanah berkenaan tetapi mengenai penyelesaian dan pembayaran balik wang defendan kedua yang telah digunakan oleh plaintif. Apa yang disarankan oleh defendan kedua itu pada pendapat saya adalah merupakan cadangan alternatif seandainya plaintif tidak mampu membayar balik wang berkenaan.

[25] Penerimaan plaintif terhadap cadangan defendan kedua itu telah diakui sekali lagi oleh plaintif semasa di dalam mesyuarat EGM di sebelah petangnya dengan kehadiran dua pengarah yang lain serta setiausaha syarikat. Sekali lagi minit mesyuarat berkenaan tidak menunjukkan adanya sebarang unsur tekanan ke atas plaintif.

[26] Keesokan harinya pula plaintif sekali lagi telah mendemonstrasikan kesungguhannya untuk menyelesaikan masalah berkenaan dengan pergi bersama defendan kedua ke pejabat peguam untuk menandatangani borang pindahmilik. Di sini juga plaintif masih mempunyai peluang untuk meninjau pandangan dan nasihat peguam sekiranya ujud kesangsian mengenai niatnya untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

[27] Menyentuh pula dakwaan plaintif bahawa dia tidak berpeluang untuk mendapatkan nasihat dari ahli keluarganya, saya berpendapat bahawa kesempatan sedemikian jika pun diperlukannya tidak akan membawa apa-apa erti kerana yang lebih mengetahui masalah yang dihadapinya adalah plaintif sendiri dan diakhirnya plaintif sendiri juga perlu membuat keputusan. Saya berpendapat bahawa persetujuan plaintif terhadap cadangan defendan kedua itu adalah merupakan reaksi spontan

plaintif untuknya mengambil peluang bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Saya juga berpendapat bahawa senario dan episod yang dinyatakan di atas dengan jelasnya bertentangan dengan dakwaan plaintif bahawa dia menandatangani pindahmilik hartanah berkenaan di atas dasar tekanan atau unsur tidak wajar ke atasnya.

[28] Kini saya beralih pula kepada isu kedua iaitu samaada kompromi untuk tidak melaporkan penyalahgunaan wang tersebut kepada polis setelah plaintif bersetuju memindahmilik harta tersebut merupakan pelanggaran polisi awam, dan oleh yang demikian tidak sah disisi undang-undang.

[29] Sebelum membicarakan isu ini selanjutnya saya ingin menyentuh bantahan peguam defendan bahawa isu tersebut tidak pernah diplidkan oleh plaintif di dalam plidingnya, dan oleh yang demikian ianya tidak perlu diberi perhatian dan dipertimbangkan. Untuk jawapan, di dalam keadaan kes ini didapati defendan kedua sendiri telah memberi keterangan bahawa dia telah memberitahu plaintif bahawa laporan polis terpaksa dibuat sekiranya plaintif gagal memberi akuan tentang penggunaan wang tesebut. Dalam hal sedemikian kegagalan plaintif memplidkan fakta berkenaan bukanlah lagi menjadi isu.

[30] Berbalik semula kepada persoalan pokok mahkamah mengambil perhatian bahawa terdapat keterangan yang tidak disangkal oleh plaintif bahawa plaintif ingin menyelesaikan masalah penyalahgunaan wang ini di dalam syarikat sendiri. Ini pada pendapat saya adalah merupakan hasrat plaintif sendiri agar perkara tersebut tidak dipanjangkan sehingga membawa kepada membuat laporan polis. Hasil dari permintaan plaintif ini ialah kompromi bahawa plaintif akan memindahmilik harta berkenaan kepada defendan kedua. Sehubungan dengan ini saya memberi perhatian semula kepada dictum yang terdapat di dalam kes *Fisher & Company v. Apollinaris Company (supra)* yang berbunyi:

> where an offence is of such a nature that the offender may be proceeded against either civilly or criminally, there is nothing illegal or improper in a compromise of the criminal proceedings taken against him.

[31] Dengan mengambil iktibar dan teladan dari dapatan di atas saya berpendapat bahawa kompromi yang dibuat di antara plaintif dan defendan-defendan tersebut adalah selaras dengan semangat dan hasrat kedua pihak untuk menyelesaikan perkara tersebut di dalam perimeter syarikat yang pada hakikatnya merupakan syarikat milikan keluarga dan kompromi tersebut mengikut *dikta* di atas tidak menyalahi polisi awam atau undang-undang yang ada.

A **[32]** Berdasarkan hal-hal di atas adalah diputuskan bahawa tuntutan plaintif ditolak dengan kos dan tuntutan balas defendan-defendan di para (i) dan (ii) dibenarkan.

B

C

D

E

F

G

H

I